

13/11/1997

Pemuda, Wanita serah nota bantahan

KUALA LUMPUR, Rabu - Pemuda dan Wanita Barisan Nasional (BN) akan menyerahkan nota bantahan kepada duta Amerika Syarikat (AS) esok berikutan tindakan negara itu mahu menyiasat Petronas berhubung projek usaha sama cari gali minyak di Iran.

Ketua Pemuda BN, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta Barisan Pemuda dan Wanita BN meneruskan tugas itu.

"Saya berharap agar semua anggota BN memberikan sokongan padu tanpa berbelah bahagi kepada Dr Mahathir bagi meneruskan perjuangan beliau memajukan negara," katanya kepada pemberita ketika menghadiri majlis Jamuan Muhibah sempena Perayaan Deepavali anjuran Pemuda dan Wanita MIC Kebangsaan di Ibu pejabat parti itu, di sini, hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Setiausaha Agung MIC, Tan Sri K S Nijhar yang juga mewakili Presiden parti, Datuk Seri S Samy Vellu, Ketua Pemuda MIC, M Muthiah, Ketua Wanita, Puan Sri Sarasa Pasamanickam, Ketua Pemuda MCA, Datuk Chan Kong Choy dan Ketua Wanita MCA, Datuk Teng Gaik Kwan.

Pegawai penyiasat dari Amerika Syarikat dijadualkan tiba pada 18 November ini bagi memulakan siasatan terhadap Petronas.

Petronas bersama Total SA dari Perancis dan Gazprom dari Russia mengadakan usaha sama bernilai AS\$2 bilion (RM6.4 bilion) bagi membangunkan sebahagian daripada medan gas South Pars di Iran.

Dua syarikat lagi yang dikatakan terbabit ialah Bow Valley dari Kanada dan Kumpulan Bakrie dari Indonesia.

(END)